

# LTAPP perketat saringan bendung virus Ebola

BH 17/9/14 MAS 18.

**Georgetown:** Jabatan Kesihatan Pulau Pinang akan memperketatkan saringan penularan virus Ebola di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

Pengarahnya, Datuk Dr Lailanoor Ibrahim ketika dihubungi *BH* semalam, berkata usaha terbabit bagi mengelakkan wabak dari barat Afrika itu menular ke negara ini menerusi pelancong asing atau rakyat tempatan yang pulang dari destinasi berisiko.

“Setakat ini, belum ada individu atau pelancong asing yang masuk menerusi LTAPP disyaki atau dikesan dijangkiti virus berkenaan, namun saringan dan pemantauan di pintu masuk antarabangsa itu masih dilakukan.

**Pencegahan secara berterusan**  
“Kita melaksanakan langkah kawa-

lan dan pencegahan secara berterusan,” katanya sambil menasihatkan orang ramai supaya mengamalkan kebersihan diri yang tinggi jika berkunjung ke mana-mana negara dilanda wabak berkenaan.

Semalam, *BH* melaporkan seorang lelaki Afrika disyaki dijangkiti Ebola dan kini ditempatkan di Hospital Umum Sarawak (HUS). Lelaki berkenaan dirujuk oleh doktor sebuah hospital swasta ke HUS tengah malam Ahad lalu untuk pemantauan rapi selepas mempunyai gejala wabak terbabit.

Terdahulu minggu lalu, satu kes disyaki virus yang sama dikesan di Perak, namun ia kemudian didapati negatif selepas pemeriksaan rapi dibuat ke atas suspek yang mengalami demam panas.